



MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

TAWARAN SEBUTHARGA

Tarikh : 24 JUN 2022

Tawaran adalah dibuka kepada kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Gred G2 dan di bawah tajuk yang bersesuaian dan berdaftar dengan Majlis Daerah Kuala Pilah Tahun 2022 bagi menyertai sebutharga bagi kerja-kerja di bawah:-

Bil	Rujukan MDKP	No. Sebut harga	Projek	Pengkhususan	Tarikh Tutup /Jam	Gred/ Kod bidang
1.	MDKP 193/10/2022 -20	S34/2022	Membina Baharu Sebuah Pentas Terbuka dan Lain-Lain Kemudahan Berkaitan di Dataran Kuala Pilah, MD Kuala Pilah	B04 B15 CE21	13 Julai 2022 @ 12.00 t/hari	G2
2.	MDKP 193/10/2022 -22	S35/2022	Membina dan Memasang Pencahayaan Lampu Limpah dan Lain-lain Kemudahan di Kawasan Perniagaan Taman Melang, MD Kuala Pilah	E11 E17		G2

2.0 Lawatan Tapak:

Tarikh : 30hb Jun 2022 (Khamis)
Pendaftaran : 9.00 pagi -10.00 pagi
Tempat : Dewan Bandaran MDKP.
Taklimat : 9.00 pagi

3.0 **Syarat:**

- 3.1 Hanya kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) sahaja layak menyertai sebutharga. Semakan pendaftaran perlu dilaksanakan sebelum pembelian Borang Sebutharga.
- 3.2 Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada **PEMILIK** syarikat /kontraktor yang hadir untuk sesi pendaftaran pada tarikh yang telah ditetapkan. **HANYA PEMILIK SYARIKAT sahaja yang dibenarkan menghadiri sesi pendaftaran tersebut dan wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN.**
- 3.3 Hendaklah membawa sijil-sijil asal CIDB dan PKK dan dipamerkan ketika pembelian borang di kaunter Hasil MDKP.
- 3.4 Hendaklah membawa cop syarikat bagi memudahkan pengisian borang.
- 3.5 Permohonan Kebenaran Khas untuk menyertai sebut harga di luar kod bidang adalah **tidak dibenarkan.**
- 3.6 PEMALSUAN BUTIRAN di dalam Borang Pendaftaran dan Dokumen Berkaitan seperti SPKK (CIDB) ,STB (BPKU) dan lain-lain dokumen yang berkaitan adalah TIDAK LAYAK /TERBATAL dan laporan kepada CIDB akan dibuat untuk tindakan undang-undang.
- 3.7 Dokumen Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Majlis Daerah Kuala Pilah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan MDKP tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran.

4.0. **Dokumen Sebutharga**

- 4.1 **Harga dokumen sebutharga bagi Gred G2 dijual dengan kadar: RM50.00 (Lima Puluh Sahaja).**
- 4.2 Dokumen sebutharga boleh dibeli di Kaunter Hasil, MDKP mulai **1hb Julai 2022 (Jumaat) sehingga 12hb Julai 2022 (Selasa)** pada pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00petang hingga 4.00 petang.


5.0. **Tarikh Tutup:**

- 13hb Julai 2022 (Rabu) jam 12.00 tengah hari.** Sebutharga hendaklah disertai dengan salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan SSM yang masih sah, serta dimasukkan ke dalam peti tender Majlis Daerah Kuala Pilah.
- 6.0 Majlis tidak terikat untuk menerima sebutharga yang paling rendah atau mana-mana sebutharga yang berpatutan.
 - 7.0 Kerjasama dan penyertaan tuan diucapkan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSIH. MUFAKAT. SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah



(MOHD FAIZAL BIN ABD. MANAP)

Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Pilah